



Ruj. Kami : PTG/STRATA/01/AHS2016/038 (46)

Tarikh : 23 Januari 2019



Penang Bar Committee
No. 4, First Floor
Greenhall, Jalan Green Hall,
Georgetown,
10200, Pulau Pinang

Tuan/Puan

PENGUATKUASAAN BAYARAN CUKAI BAGI PETAK ATAU BLOK SEMENTARA DI NEGERI PULAU PINANG

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara di Negeri Pulau Pinang telah mula berkuat kuasa pada **1 Januari 2019** melalui pemberitahuan Warta P.U (B) 714 bertarikh 21 Disember 2018. Apabila cukai bagi petak atau blok sementara dilaksanakan dan mula berkuat kuasa, cukai bagi petak atau blok sementara akan menggantikan cukai tanah. Cukai tanah bagi skim yang dikeluarkan dokumen hakmilik strata adalah terhenti sepanjang tempoh cukai petak atau blok sementara dilaksanakan selagi skim yang berkenaan belum ditamatkan.

3. Sehubungan itu, pihak perbadanan pengurusan bagi semua pembangunan skim berstrata yang mempunyai hakmilik strata tidak perlu lagi mengutip cukai tanah mengikut unit syer seperti sebelum ini. Selaras Seksyen 23D, Akta Hakmilik Strata 1985, pemilik petak adalah bertanggungjawab membayar cukai petak di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) mengikut daerah masing-masing sehingga arahan selanjutnya dikeluarkan. Bersama-sama ini disertakan Lampiran Carta Aliran Cara Pembayaran Cukai Petak atau Blok Sementara di PDT.

Sekian, terima kasih.

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD NIZAM BIN MOKHTAR)
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Hakmilik Strata)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang

Rec
31/01/19

**CARTA ALIRAN CARA BAYARAN CUKAI PETAK ATAU BLOK
SEMENTARA DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH**

**PEMILIK PETAK DATANG KE PEJABAT DAERAH DAN TANAH
MENGIKUT DAERAH HAKMILIK STRATA
UNTUK MEMBUAT BAYARAN CUKAI PETAK**

- i. Pejabat Daerah dan Tanah Timor Laut
- ii. Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
- iii. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
- iv. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
- v. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Selatan



KAUNTER SEMAKAN

Semak Hakmilik Strata berdasarkan ID Hakmilik,
Nama Ketuanpunyaan dan Nombor Kad Pengenalan



KAUNTER BAYARAN

Membuat pembayaran cukai

*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan juga kesesuaian di
Pejabat Daerah dan Tanah